

BERITA HARIAN

DATE: 17/3/2010

MEB mampu jadi instrumen roboh tembok perkauman

BH-17/03/2010

KUALA LUMPUR: Model Ekonomi Baru (MEB) bukan saja mampu memacu negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi tetapi juga menjadi instrumen untuk merobohkan tembok perkauman dan meningkatkan keharmonian kaum, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ini kerana MEB yang akan dilancarkan tidak lama lagi turut memberi pempunuan kepada aspek kreativiti dan inovasi individu se-

bagai sumber serta pemangkin kepada penciptaan kekayaan baru negara yang memberi peluang kepada semua individu mempunyai peranan dan peluang yang sama untuk menggilap potensi dan bersaing secara adil dalam sektor ekonomi.

"Saya percaya, apabila setiap rakyat tanpa mengira kaum dan agama mendapat jaminan hak yang adil bagi diri mereka, perpaduan keharmonian kaum yang sebenar akan dapat direalisasikan.

"Justeru, saya melihat MEB bukan sekadar satu model ekonomi tetapi juga satu instrumen penting untuk merobohkan tembok perkauman, meleburkan perasaan prasangka antara kaum dan mencipta masa depan yang lebih gemilang bagi negara sebagai sebuah negara bangsa yang bersatu dan maju," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Jamuan Makan Malam 1Malaysia Anjuran Dewan Perhimpunan Cina Kua-

la Lumpur sempena sambutan Tahun Baru Cina di sini, malam tadi.

Muhyiddin berkata, sejak kenyataan mengenai MEB dibuat, kerajaan menerima pelbagai reaksi, pandangan dan cadangan yang mewakili harapan rakyat dan sebagai kerajaan yang prihatin, segala pandangan dan cadangan ini akan diberikan perhatian sewajarnya.

"Kita tahu MEB ini adalah untuk kebaikan rakyat dan justeru itu perasaan dan ha-

rapan rakyat akan diutamakan," katanya.

Muhyiddin berkata, sektor swasta akan terus memainkan peranan penting dengan menjadi pemacu pertumbuhan ekonomi negara dan akan terus menyumbang kepada kemajuan negara pada masa depan.

Sehubungan itu, beliau berharap agar masyarakat perniagaan Cina akan terus memacu sektor pelaburan swasta untuk melonjakkan keupayaan produktif negara.